

15 JUN 2003

SARS-Persidangan/I

MALAYSIA JADI TUAN RUMAH PERSIDANGAN SARS SEJAGAT PERTAMA

Oleh: S. Retnanathan

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Malaysia mencatat sejarah dalam bidang kesihatan apabila dipilih Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai negara pertama tuan rumah Persidangan Global Mengenai Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Persidangan itu yang bermula Selasa ini sebenarnya merupakan susulan kepada mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan Asean mengenai SARS yang berakhir di Kemboja pada 11 Jun.

Persidangan anjuran WHO yang akan berlangsung pada 17 dan 18 Jun di Sunway Lagoon Resort Hotel ini, antara lain akan membincangkan penemuan saintifik mengenai SARS yang setakat ini telah meragut hampir 800 nyawa dan menjangkiti kira-kira 8,500 orang di seluruh dunia.

Melalui laman webnya, WHO menjelaskan bahawa persidangan itu juga akan digunakan sebagai forum untuk mengkaji tindakan yang telah diambil pihak berkuasa kesihatan dalam membendung wabak itu sejak awal kemunculannya hampir empat bulan lepas.

Pada mesyuarat mereka di Kemboja, para Menteri Kesihatan Asean mengisytiharkan rantau ini telah bebas daripada SARS dan bersetuju mengamBil tindakan bersama untuk menyekat penularan penyakit yang boleh membunuh itu.

Persidangan yang berlangsung di Malaysia ini dijangka mengorak selangkah lagi ke hadapan dengan mengumumkan perkara yang menjadi punca munculnya penyakit itu serta bagaimana ia sepatutnya ditangani untuk mengelak daripada mengorbankan terlalu banyak nyawa.

Persidangan tajaan WHO itu juga akan menjadi perintis kepada mesyuarat khas para pegawai kanan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dan Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan Apec Mengenai SARS. Mesyuarat itu masing-masing akan berlangsung pada 27 dan 28 Jun ini di Bangkok, Thailand.

Mereka yang akan menyertai Persidangan Global Mengenai SARS di Malaysia termasuk kira-kira 1,300 saintis, golongan profesional dalam bidang kesihatan, pengamal penjagaan kesihatan awam dan swasta, pakar-pakar terkenal coronavirus yang didapati menjadi punca utama SARS dan hampir 500 wartawan.

"Peserta akan memberi tumpuan kepada lingkungan epidemiologi, pengurusan klinikal dan penemuan makmal sebagai asas untuk mengatur strategi dalam membendung penularan penyakit ke seluruh dunia," kata Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Datuk Alias Ali baru-baru ini.

Beliau berkata pelbagai topik akan dibincang pada persidangan berkenaan termasuk respons sejagat terhadap SARS dan respons yang diberi oleh negara-negara seperti Vietnam, Hong Kong, China, Singapura, Kanada dan Amerika Syarikat.

Selain itu, perkara yang akan turut dibincangkan ialah cara-cara mengurangkan penularan penyakit di tempat rawatan, kesihatan alam sekitar, keberkesanan komunikasi, kaedah mengurangkan penularan jangkitan di kalangan masyarakat dan di peringkat antarabangsa, epidemiologi, isu-isu berkaitan makmal, diagnosis klinikal dan kemungkinan jangkitan SARS yang berpunca daripada haiwan.

Antara tokoh penting WHO yang akan menyertai persidangan itu ialah pengarah serantau Pasifik Barat pertubuhan itu Dr Shigeru Omi dan ketua pengarah WHO, Gro Harlem Brundtland.

Kedua-dua tokoh itu juga dijangka mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa berada di negara ini.

"Pada mulanya persidangan ini dijadualkan berlangsung di Geneva, tempat yang menjadi pangkalan WHO, tetapi mereka memutuskan untuk memilih Malaysia kerana mengiktiraf usaha kita dalam membanteras penyakit itu dengan berkesan," kata Alias.

Sementara itu, sidang pleno mengenai SARS pada hari pertama persidangan berkenaan akan menyentuh tentang kesan SARS terhadap masyarakat sejagat serta langkah dan tindakan yang mereka ambil bagi menangani wabak itu. Peserta juga akan berpeluang mendengar penjelasan Vietnam, Hong Kong, China, Singapura, Kanada dan Amerika Syarikat tentang tindakan yang telah mereka ambil bagi menangani penyakit itu selama 15 minit bagi setiap negara.

Pada tengah hari pula, sidang pleno akan membincangkan aspek aetiologi, diagnosis makmal, kemungkinan peranan haiwan dalam kemunculan SARS, serta penyelarasan dan pengawasan respons berhubung wabak itu.

Hari kedua persidangan pula akan memberi tumpuan kepada perkara-perkara teknikal seperti tindakan menyekat penularan penyakit ke seluruh dunia, epidemiologi, isu-isu makmal, diagnosis dan pengurusan klinikal, serta penyelarasan dan pengawasan respons.

Alias berkata sebagai tuan rumah, Malaysia telah menyusun beberapa program untuk peserta persidangan itu termasuk majlis jamuan malam, persembahan kebudayaan dan lawatan.

Beliau berkata bagi menimbulkan kesedaran orang ramai tentang persidangan yang akan berlangsung itu, publisiti mengenainya sedang dibuat oleh Kementerian Luar, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Kementerian Penerangan.

-- BERNAMA

SR MFJ SP RON